



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

---

**PEKELILING PENOLONG NAIB CANSOLOR  
(PEMBANGUNAN)**

---

**Bilangan 01 Tahun 2024**

**PELAKSANAAN GARIS PANDUAN PERMOHONAN BEKALAN  
KUASA (PBK) DAN SURAT KEBENARAN MENJALANKAN KERJA  
KONTRAKTOR ELEKTRIK (SKMKK) ATAU 'PERMIT TO WORK'  
(PTW) DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA.**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan pihak-pihak lain yang berkaitan mengenai pelaksanaan Garis Panduan Permohonan Bekalan Kuasa (PBK) dan Surat Kebenaran Menjalankan Kerja Kontraktor Elektrik (SKMKK) atau *Permit To Work (PTW)* di UiTM Shah Alam.

**LATAR BELAKANG**

2. Bagi maksud pemakaian Pekeliling ini:
  - 2.1 Mesyuarat Pengurusan Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur (PPII) Bil. 11/2024 pada 14 Februari 2024 telah meluluskan Garis Panduan Permohonan Bekalan Kuasa (PBK) dan Surat Kebenaran Menjalankan Kerja Kontraktor Elektrik (SKMKK) atau *Permit To Work (PTW)* di UiTM Shah Alam.
  - 2.2 Garis panduan ini disediakan adalah untuk menyatakan peranan dan tanggungjawab pihak-pihak yang terlibat dalam pengurusan permohonan bekalan kuasa di UiTM Shah Alam bagi memastikan permohonan bekalan kuasa dan pelaksanaannya dibuat berdasarkan akta yang sedang berkuatkuasa bagi menjamin keselamatan semua pihak yang berkaitan selaras dengan :
    - 2.2.1 Akta Bekalan Elektrik 1990 :- Seksyen 37(13) Akta Bekalan Elektrik 1990 menyatakan :
      - i. Tiada seorang pun boleh memasang apa-apa pendawaian atau persambungan elektrik pada pendawaian yang ada pada mana-

mana premis tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada suatu pihak berkuasa bekalan atau pemegang lesen.

- ii. Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan, apabila disabitkan, denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

2.2.2 Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 :- Peraturan 11 (1) Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 pula menyatakan:

- i. Tiada pendawaian atau pendawaian semula sesuatu pemasangan atau tambahan pada pemasangan yang sedia ada boleh dijalankan oleh Kontraktor Elektrik atau Unit Pendawaian Persendirian tanpa mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan, mengikut mana-mana yang berkenaan :

Dengan syarat bahawa tiada kelulusan diperlukan bagi tambahan pada pendawaian yang sedia ada bagi pemasangan domestik jika jumlah arus yang digunakan pada satu-satu masa oleh pemasangan itu, disebabkan tambahan itu, tidak melebihi permintaan arus maksima seperti yang dipersetujui dalam kontrak bekalan antara pemunya dengan pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan.

### 3.0 PELAKSANAAN

3.1 Bagi maksud pemakaian pekiling ini:

3.1.1 Pekiling ini hanya dikuatkuasakan di UITM Shah Alam sahaja.

### 4.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekiling ini dikeluarkan pada 1 Mac 2024.

### 5.0 TARIKH KUATKUASA

Tarikh kuatkuasa adalah 1 Mac 2024.



(PROFESOR) Ts. Sr Dr. MD YUSOF HAMID, PMP, AMP)  
Penolong Naib Canselor (Pembangunan)

*Dikelilingkan Kepada :*

*Semua Timbalan Naib Canselor  
Semua Penolong Naib Canselor  
Semua Rektor UiTM Cawangan  
Dekan Kolej Pengajian/ Fakulti/ Akademik/ Institut  
Semua Pengarah Pusat  
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit  
Semua Warga UiTM*

*Bil Fail : 100-PPII (PTA 6/7/3)*

*No. Siri : Pekeliling PNC (Pembangunan)*



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

## GARIS PANDUAN PENGURUSAN FASILITI

---

BIL. 01 /2024

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN BEKALAN KUASA (PBK) DAN SURAT KEBENARAN MENJALANKAN KERJA KONTRAKTOR ELEKTRIK (SKMKK) ATAU "PERMIT TO WORK" (PTW) DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA.**

### 1.0 TUJUAN

Dokumen ini disediakan sebagai panduan kepada warga untuk permohonan Bekalan Kuasa (PBK) dan Surat Kebenaran Menjalankan Kerja Kontraktor Elektrik (SKMKK) atau "Permit to Work" (PTW) di Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

### 2.0 SKOP

Dokumen ini terpakai kepada pendawaian baru dan pendawaian semula pemasangan elektrik untuk kerja-kerja reka bentuk, pemasangan, penyeliaan, pemeriksaan, pengujian, pengoperasian, penyelenggaraan sistem bekalan elektrik dan kegunaan bekalan kuasa majlis rasmi universiti.

### 3.0 SINGKATAN

TNC	-	Timbalan Naib Canselor (Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur)
PNC	-	Penolong Naib Canselor (Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur)
P	-	Pengarah Pembangunan Infrastruktur
KB	-	Ketua Bahagian
BPF	-	Bahagian Pengurusan Fasiliti
BKKK	-	Bahagian Kontrak dan Kawalan Kos
PB	-	Polis Bantuan
PTJ	-	Pusat Tanggungjawab
BKKP	-	Bahagian Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan.
MEU	-	Majlis Eksekutif Universiti
PYM	-	Pegawai Yang Mengawal
OYB	-	Orang Yang Berkebenaran
PJ	-	Penolong Jurutera
PJK	-	Penolong Jurutera Kanan
SKMKK	-	Surat Kebenaran Menjalankan Kerja Kontraktor
PTW	-	Permit to Work

#### 4.0 DEFINISI

- |                       |   |                                                                                            |
|-----------------------|---|--------------------------------------------------------------------------------------------|
| Pegawai Yang Mengawal | - | Pegawai Yang Mengawal yang dimaksudkan ialah Ketua Seksyen/Ketua Unit, Infra Elektrik, BPF |
| OYB                   | - | Orang Yang Berkebenaran yang dimaksudkan ialah Penjaga Jentera Elektrik, BPF.              |

#### 5.0 RUJUKAN

Akta Bekalan Elektrik 1990  
Peraturan-peraturan Elektrik 1994  
Akta Suruhanjaya Tenaga 2001  
Dokumen Kontrak terkini  
Pekeliling Penolong Naib Canseloer  
Pekeliling Pengarah

## 6.0 PROSIDUR PERMOHONAN BEKALAN KUASA (PBK)

- 6.1 Permohonan Bekalan Kuasa (PBK) mestilah dimohon oleh staf UiTM sahaja.
- 6.2 Borang PBK boleh dimuat turun di <https://ppii.uitm.edu.my/index.php/muat-turun/borang-borang/borang-borang-infrastruktur> . Sila klik pada pautan Borang Unit Elektrikal.
- 6.3 Butiran seperti dibawah perlu diisi lengkap dan sempurna :
  - i. Nama pemohon (Staf UiTM).
  - ii. Jawatan.
  - iii. Bahagian.
  - iv. Nombor telefon.
  - v. Tarikh mohon.
  - vi. Kontraktor yang dilantik dan nombor telefon.
  - vii. Tajuk permohonan.
  - viii. Jumlah bekalan arus elektrik (amp) yang diperlukan.
  - ix. Saiz kabel yang digunakan.
  - x. Jenis pendawaian yang akan dibuat (1 fasa/3 fasa, sesalur, trunking dan sebagainya).
  - xi. Borang permohonan yang telah lengkap diisi perlu ditandatangani oleh staf UiTM.
- 6.4 Semua permohonan mestilah disertakan dengan lukisan susun atur dan gambarajah skematik di lokasi yang perlu dibuat pendawaian, penambahan atau naiktaraf.
- 6.5 Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah dihantar terus ke Seksyen Operasi Infra Elektrik, Bahagian Pengurusan Fasiliti untuk disemak oleh Orang Yang Berkebenaran (OYB) sebelum diluluskan oleh Pegawai Yang Melulusa (PYM).
- 6.6 Permohonan yang telah lengkap mestilah dihantar selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum aktiviti bermula.
- 6.7 Permohonan yang diluluskan akan dikembalikan kepada pemohon dan pemohon perlu menyertakan PBK yang telah diluluskan semasa memohon Surat Kebenaran Menjalankan Kerja Kontraktor Elektrik (SKMKK) atau "Permit to Work "(PTW).

## 7.0 PROSIDUR PERMOHONAN SURAT KEBENARAN MENJALANKAN KERJA KONTRAKTOR ELEKTRIK (SKMKK) ATAU "PERMIT TO WORK (PTW).

- 7.1 Permohonan Surat Kebenaran Menjalankan Kerja Kontraktor Elektrik (SKMKK) atau "Permit to Work" (PTW) mesti dimohon oleh staf UiTM sahaja.
- 7.2 Borang SKMKK/PTW boleh dimuat turun di <https://ppii.uitm.edu.my/index.php/muat-turun/borang-borang/borang-borang-infrastruktur> . Sila klik pada pautan Borang Unit Elektrikal.
- 7.3 Butiran seperti dibawah perlu diisi lengkap dan sempurna :
  - i. Tarikh permohonan.
  - ii. Tarikh mula kerja sehingga tarikh dijangka siap.
  - iii. Tajuk permohonan.
  - iv. Lokasi permohonan.

- v. Nama dan alamat Syarikat Elektrik (yang akan membuat kerja).
  - vi. Jenis kerja yang akan dibuat – Voltan rendah atau tinggi.
  - vii. Nama Orang Yang Berkompeten (kontraktor).
  - viii. Nombor sijil kekompetenan.
  - ix. Terangkan dengan tepat radas di mana kerja akan dibuat.
  - x. Tandatangan Orang Berkompeten (kontraktor).
- 7.4 Setiap permohonan perlu menyertakan satu salinan sijil kekompetenan berserta dengan lukisan susun atur dan gambarajah skematik.
- 7.5 Bagi permohonan yang melibatkan penambahan bekalan elektrik adalah perlu disertakan Borang Permohonan Bekalan Kuasa (PBK) yang telah diluluskan.
- 7.6 Borang permohonan yang lengkap akan diproses untuk kelulusan. Salinan asal borang (SKMKK/PTW) akan diserahkan semula kepada pemohon untuk dipamerkan di tapak.
- 7.7 Pemohon perlu mengembalikan borang SKMKK/PTW setelah kerja selesai berserta Borang Perakuan Kerja Selesai bagi dibatalkan oleh Orang Yang Berkebenaran (OYB) dan disahkan oleh Pegawai Yang Mengawal (PYM).
- 7.8 Orang Yang Berkebenaran (OYB) boleh memberhentikan kerja-kerja elektrik di tapak bina jika:-
- i. Kontraktor tiada/tidak mempamerkan SKMKK/PTW yang disahkan oleh Orang Yang Berkebenaran(OYB) dan Pegawai Yang Mengawal .
  - ii. Orang Berkompeten seperti nama di Borang SKMKK/PTW tiada di tapak.
  - iii. Tidak mematuhi Akta Bekalan Elektrik 1990 :- Seksyen 37(13) Akta Bekalan Elektrik 1990 menyatakan :
    - Tiada seorang pun boleh memasang apa-apa pendawaian atau persambungan elektrik pada pendawaian yang ada pada mana-mana premis tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada suatu pihak berkuasa bekalan atau pemegang lesen.
    - Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan, apabila disabitkan, denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
  - iv. Tidak mematuhi Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 :- Peraturan 11 (1) Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 pula menyatakan:
    - i. Tiada pendawaian atau pendawaian semula sesuatu pemasangan atau tambahan pada pemasangan yang sedia ada boleh dijalankan oleh Kontraktor Elektrik atau Unit Pendawaian Persendirian tanpa mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan, mengikut mana-mana yang berkenaan :

Dengan syarat bahawa tiada kelulusan diperlukan bagi tambahan pada pendawaian yang sedia ada bagi pemasangan domestik jika jumlah arus yang digunakan pada satu-satu masa oleh pemasangan itu, disebabkan tambahan itu, tidak melebihi permintaan arus maksima seperti yang

dipersetujui dalam kontrak bekalan antara pemunya dengan pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan.

- v. Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah dihantar terus ke Seksyen Operasi Infra Elektrik, Bahagian Pengurusan Fasiliti, PPII untuk disemak oleh OYB sebelum diluluskan oleh PYM.

### 8.0 CARTA ALIR PERMOHONAN BEKALAN KUASA (PBK)

TANGGUNGJAWAB	ALIRAN KERJA	PROSES KERJA	REKOD
Kakitangan UiTM yang berkaitan	<pre> graph TD     Start([ ]) --&gt; D1{ }     D1 -- Tidak Lengkap --&gt; Start     D1 -- Lengkap --&gt; R1[ ]     R1 --&gt; D2{ }     D2 -- Tidak Sempurna --&gt; D1     D2 -- Sempurna --&gt; R2[ ]     R2 --&gt; End([ ])         </pre>	Permohonan Bekalan Kuasa (PBK)	Borang PBK
OYB/PJ/PJK		Semakan Borang PBK	Borang PBK
PYM		Kelulusan PBK	Borang PBK
OYB		Pemantauan PBK	Borang PBK
PJ/PJK		Kembalikan Borang PBK kepada pemohon	Borang PBK
		Selesai	Borang PBK



**9.0 CARTA ALIR PERMOHONAN SURAT KEBENARAN MENJALANKAN KERJA KONTRAKTOR ELEKTRIK (SKMKK) ATAU "PERMIT TO WORK (PTW).**

TANGGUNGJAWAB	ALIRAN KERJA	PROSES KERJA	REKOD
Kakitangan UITM yang berkaitan	<pre> graph TD     Start([Start]) --&gt; D1{ }     D1 -- Tidak Lengkap --&gt; Start     D1 -- Lengkap --&gt; R1[ ]     R1 --&gt; R2[ ]     R2 --&gt; D2{ }     D2 -- Tidak Patuh --&gt; Start     D2 -- Patuh --&gt; D3{ }     D3 --&gt; R3[ ]     R3 --&gt; End([End])         </pre>	Permohonan SKMKK	SKMKK
OYB/PJ/PJK		Semakan SKMKK	SKMKK
PYM		Kelulusan SKMKK	SKMKK
PJ/PJK		Kembalikan SKMKK yang telah lulus kepada pemohon	SKMKK
OYB		Pematuhan prosidur dan peraturan/akta	SKMKK
OYB		Penguatkuasaan prosidur dan peraturan/akta	SKMKK
OYB/PYM		Penutupan/pembatalan SKMKK setelah kerja sempurna	SKMKK
		Selesai	

**10.0 PERATURAN-PERATURAN PENTADBIRAN**

- 9.1 Kerja dilaksanakan mengikut jadual tempoh yang ditetapkan.
- 9.2 Kerja-kerja dilaksanakan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dan akta Bekalan Elektrik 1990 sebagaimana yang dipinda, diubahsuai atau ditambah dari semasa ke semasa.



**BORANG PERMOHONAN BEKALAN KUASA**  
**(PBK)**

TARIKH TERIMA PERMOHONAN : .....

Nama Pemohon : .....  
( Staf UiTM )

Jawatan : .....

Bahagian : .....

No. Telefon : ..... Tarikh : .....

Kontraktor yang dilantik: .....  
( Nama & Alamat Sykt. )

No. Telefon : .....

Bekalan elektrik yang dipohon bagi projek :-

.....  
.....  
.....

Jumlah bekalan elektrik yang diperlukan : .....

Saiz kabel yang terlibat : .....

Jenis pendawaian yang terlibat : .....

Lain-lain keterangan yang difikirkan perlu : .....

.....  
.....

.....  
Tandatangan & Cop Rasmi  
Pemohon ( Staf UiTM )

\* Setiap permohonan mesti disertakan dengan Layout Diagram





**SURAT KEBENARAN MENJALANKAN KERJA KONTRAKTOR ELEKTRIK (SKMKK) /  
PERMIT TO WORK (PTW)**

TARIKH TERIMA PERMOHONAN : .....

Tarikh Permohonan : .....

Tarikh Sah Laku dari : ..... Sehingga : .....

Tajuk Projek			
Lokasi Pencawang		VOLTAN RENDAH	
Nama & Alamat Syarikat No. Tel		VOLTAN TINGGI	
		✓ : Yang Berkenaan	
Nama Pekerja Kontraktor Yang Berkompeten	No. Perakuan Kekompetenan / Sekatan		
Jenis Litar/			
Terangkan Disini DENGAN TEPAT Radas Di Mana Kerja Akan Dibuat (Sertakan Lampiran Jika Perlu)			
Terangkan Di Sini DENGAN TEPAT Tempatnya Radas Yang Telah Dibumikan Dan Dilitar Pintaskan (Sertakan Lampiran Jika Perlu).			

Saya mengaku bahawa adalah selamat untuk menjalankan kerja pada radas yang telah **DIMATIKAN  
DAN DIASINGKAN** dari segala pengalir yang hidup dan telah **DIBUMIKAN  
SEMUA BAHAGIAN-BAHAGIAN LAIN ADALAH MERBAHAYA**

Saya juga mengaku bahawa semua Radas yang tidak disebutkan di atas adalah  
**HIDUP DAN MERBAHAYA**

.....  
Tandatangan & Cop  
Orang Berkompetenan ( Kontraktor)  
Tarikh : .....  
Masa : .....

.....  
Tandatangan & Cop Rasmi  
Orang Yang Berkebenaran  
Tarikh : .....  
Masa : .....

.....  
Tandatangan & Cop Rasmi  
Pegawai Yang Mengawal

Tarikh : .....  
Masa : .....

Sila sertakan salinan Sijil Perakuan Kekompetenan DAN salinan Permohonan Bekalan Kuasa yang telah diluluskan jika ada.



## PERAKUAN KERJA SELESAI

Dengan ini saya mengakui bahawa semua orang di bawah jagaan saya telah berundur dan diberi ingat bahawa tidak selamat lagi bekerja di radas yang tersebut dalam sijil ini. Saya juga mengaku bahawa segala pbumian sementara telah dicabut dan tiada apa-apa alat yang tertinggal.

**Tandatangan,  
Wakil Kontraktor Berkompeten  
Yang Menyelia kerja,**

Tarikh	
Masa	

## SAYA AKUI KEBENARAN BEKERJA INI DIBATALKAN

**Tandatangan & Cop Rasmi  
Orang Yang Berkebenaran**

Tarikh	
Masa	

**Tandatangan & Cop Rasmi  
Pegawai Yang Mengawal**

Tarikh	
Masa	

\* Sila sertakan Keputusan Ujian ( Test Result ) semasa mengembalikan borang ini bagi memudahkan proses pengesahan pembayaran. Bayaran tidak akan disahkan sekiranya tidak disertakan dengan Keputusan Ujian.